

15 APR 2001

MUSTAPA TINJAU KEADAAN EKONOMI PULAU PINANG

BUTTERWORTH, 15 April (Bernama) -- Penasihat Ekonomi Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamad hari ini menemui Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia (Sains dan Teknologi) Negeri, Datuk Dr Toh Kin Woon untuk mendapatkan maklum balas dan gambaran mengenai kedudukan ekonomi Pulau Pinang.

Beliau berkata, pertemuan itu penting bagi membolehkannya mengetuai kedudukan sebenar ekonomi negeri itu, masalah serta perancangan Kerajaan Negeri dalam perkara itu.

Setakat ini beliau membaca banyak laporan mengenai perkembangan ekonomi Pulau Pinang melalui akhbar dan mahu mengadakan perbincangan lebih lanjut tentang persediaan Pulau Pinang dalam menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan agung perwakilan Umno Bahagian Bagan di sini, beliau berkata, Pulau Pinang akan menerima kesan besar daripada kegawatan di Amerika kerana banyak kilang-kilang serta syarikat multinasional beroperasi di negeri itu.

'Jika perlu, MTEN akan mengadakan perbincangan secara rasmi dengan Kerajaan Negeri dan pertemuan ini diadakan ekoran langkah-langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini,' katanya.

-- BERNAMA

ZU PR